

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Maklumat Produk (HMP) ini menyediakan maklumat utama mengenai Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli Korporat & Komersil Islamik anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Maklumat Produk (HMP) ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

TARIKH: _____

1. APAKAH PEMBIAYAAN SEWA BELI KORPORAT & KOMERSIL ISLAMIK?

Pembiayaan Kemudahan Sewa Beli Korporat & Komersil Islamik ini diperuntukkan bagi pembiayaan aset seperti kenderaan bermotor, mesin atau peralatan untuk perniagaan. Kadar sewaan bagi pembiayaan ini dikira berdasarkan kadar tetap atau kadar boleh ubah bagi jangka tempoh pembiayaan. Hak pemilikan terhadap aset kekal dengan Bank sehingga penyelesaian penuh kemudahan. Kemudahan tertakluk dibawah Akta Sewa Beli 1967 sekiranya barangan terbabit berada dalam senarai Jadual Pertama Akta berkenaan. Jangka masa maksimum bagi kemudahan adalah 5 tahun bagi mesin, peralatan dan kenderaan komersial dan 9 tahun untuk kenderaan penumpang.

Kontrak Syariah yang digunakan ialah **Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB)**. AITAB adalah **kontrak sewaan (Ijarah)** dan disusuli dengan **kontrak jualan (Al Bai')**. Pelanggan dilantik sebagai agen bagi Bank untuk memeriksa dan menerima kenderaan yang dibiayai setelah berpuas hati dengan keadaan kenderaan tersebut. Di bawah kontrak sewaan, pelanggan menyewa kenderaan tersebut dari Bank pada harga sewaan yang dipersetujui sepanjang tempoh sewaan. Apabila tamat tempoh sewaan, pelanggan akan membeli kenderaan tersebut dari Bank pada harga yang ditetapkan.

2. KENALI TANGGUNGJAWAB ANDA

Contoh **ilustrasi** tanggungjawab pelanggan adalah seperti berikut:

Contoh:	Jumlah Kemudahan: RM 50,000.00	Tempoh: 9 tahun	i. Kadar Tetap 2.70% setahun (Kadar peratusan Tahunan 4.99 % setahun); ATAU ii. Kadar Boleh Ubah 4.80 % setahun
---------	-----------------------------------	-----------------	---

No.		KADAR TETAP*	KADAR BOLEH UBAH**
1.	Ansuran Sewaan bulanan	RM 576 bagi tempoh 107 bulan dan ansuran akhir sebanyak RM 518	RM572 bagi tempoh 107 bulan dan ansuran terakhir sebanyak RM469.59
2.	Jumlah yang perlu dibayar	RM 62,150.00	RM61,673.59

Jadual ini hanya sebagai **ilustrasi** contoh.

*Kadar maksimum untuk Kemudahan di bawah Kadar Tetap adalah 10% setahun.

**Bagi Kemudahan di bawah Kadar Boleh Ubah, kadar minimum ditetapkan adalah pada 4.10% setahun dan kadar maksimum dihadkan pada 17% setahun. Bagi pembiayaan di bawah Kadar Boleh Ubah, bayaran ansuran sewaan bulanan dan jumlah yang perlu dibayar akan berubah jika Kadar Pembiayaan Asas (KPA) berubah.

Penyelesaian Awal

Anda berhak untuk mendapatkan rebat atas keuntungan yang belum diperolehi oleh Bank sekiranya penyelesaian awal kemudahan dilakukan bagi pembiayaan berkadar tetap sahaja. Rebate ini adalah pemulangan sebahagian daripada caj terma dikira mengikut formula yang dinyatakan di dalam Akta Sewa Beli 1967.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

STANDARD FI	RM
Duti Setem – Tanpa Penjamin	10.00
Duti Setem – Dengan Penjamin	20.00
Caj e-hakmilik	3.24
Pos – Tanpa Penjamin (termasuk SST)	10.80
Pos – Dengan Penjamin (termasuk SST)	21.60
Duti Setem – Ad Valorem (untuk barangan yang tidak tertakluk kepada Akta)	0.5% daripada jumlah pembiayaan

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya selama **9 tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Menghubungi kami dengan segera jika anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.

3. KENALI RISIKO ANDA

Apa berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?




Caj Bayaran Lewat (CBL)	<p>i. <u>Ansuran Tertunggak atau Bayaran Berjadual</u> 1% setahun atas jumlah ansuran tertunggak dari tarikh pembiayaan yang pertama kali dikeluarkan sehingga tarikh matangnya.</p> <p>ii. <u>Tamat Tempoh Pembiayaan atau Apabila Mendapat Penghakiman, yang Mana Dahulu</u> Purata kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank secara Islamik ke atas baki tertunggak dan perlu dibayar. Caj Bayaran Lewat yang dicaj tidak akan dikompaun.</p>
Hak Penyelesaian	Bank berhak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun simpanan atau semasa anda yang dibuka dengan kami. Tindakan ini boleh diambil terhadap jumlah tertunggak dalam akaun kemudahan tersebut dengan memberi anda tujuh (7) hari notis terlebih dahulu.
Tindakan Undang-Undang	<p>i. Bank sebagai Pemilik berhak untuk mengambil semula milikan mesin, peralatan atau kenderaan tersebut.</p> <p>ii. Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan baki tertunggak yang perlu dibayar terhadap pembiayaan ini. Tindakan ini akan menjejaskan kedudukan kredit anda.</p>

4. TERMA UTAMA LAIN

Sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi perlu dimaklumkan supaya surat-menyurat dapat disampaikan tanpa kelewatan. Kenderaan yang dibiayai di bawah Pembiayaan Korporat & Komersil Islamik ini juga wajib dilindungi oleh perlindungan takaful komprehensif.

- A. Pelanggan perlu mendapatkan perlindungan takaful yang ditawarkan oleh pengendali takaful untuk melindungi kenderaan daripada risiko kehilangan dan kerosakan:
- Perlindungan Komprehensif Kenderaan (dari kebakaran, kecurian dan kemalangan).
 - Bencana Khas (dari banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah/bencana alam yang lain).
 - Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART).
 - Pampasan untuk Kehilangan Penggunaan.
 - Perlindungan takaful yang berkenaan.
- B. Pelanggan yang tidak mengambil perlindungan takaful komprehensif seperti yang disyorkan hendaklah menanggung kerugian atau kerosakan kenderaan kepada Bank. Perlindungan takaful hendaklah diperoleh daripada pengendali Takaful panel Bank atau pengendali lain yang diluluskan oleh Bank. Dalam mendapatkan perlindungan takaful di atas, Bank menasihatkan yang berikut:
- Skim/pelan takaful harus menjadi pilihan pertama pelanggan untuk perlindungan kenderaan
 - Pelanggan boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi kenderaan dalam keadaan berikut:
 - Jika tidak ada perlindungan takaful yang ditawarkan atau tersedia di pasaran untuk kenderaan itu, ATAU
 - Permohonan bagi perlindungan takaful untuk kenderaan ditolak oleh semua pengendali takaful, ATAU
 - Kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan takaful.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai produk ini, anda boleh:

Maybank Islamic		
		
Hubungi kami di: 03-2297 2000 Ext: 2304/2316/2203	Layari kami di: https://www.maybank.com/islamic/en/financing/vehicle/aitab.page?	E-mel kepada: norfadzilah@maybank.com norazidah.y@maybank.com ruzeezal@maybank.com mohdzulkarnaenaffendi@maybank.com

PENGAKUAN PELANGGAN*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tentang apa yang anda tandatangani.

- Saya mengakui bahawa Bank telah memberikan saya salinan HMP ini.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam HMP ini.

*Pengakuan anda terhadap HMP ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat.

Nama:
Tarikh: